

04 APR, 2024

Persediaan sebelum memandu EV

Majoriti 7, Malaysia



Persediaan sebelum memandu EV

Kira jarak perjalanan untuk ketahui lokasi stesen pengecas berdekatan.



KENDERAAN antara salah satu persiapan paling penting pada hari raya kerana ia adalah pengangkutan yang memudahkan pengguna baik untuk pulang ke kampung bertemu ayah dan bonda, sanak saudara mahupun menziarah rakan taulan.

Setiap kali musim perayaan, pastinya kenderaan di lebuh raya akan menunjukkan jumlah yang tinggi berikutan ramai pulang bercuti sempena merayakan lebaran.

Kepada mereka yang menggunakan kereta berkuasa enjin sudah mengetahui persediaan sebelum memulakan perjalanan.

Namun, bagaimana pula dengan kereta berkuasa elektrik (EV) yang kebanyakannya dipandu di bandar-bandar?

Jadi, khusus kepada pemandu EV yang ingin pulang ke kampung, Roda berkongsi beberapa langkah perlu diambil kira sebelum memulakan perjalanan.

Cas penuh bateri kereta

Pastikan bateri kereta dicas sehingga penuh sebelum memulakan perjalanan dan elak memandunya sebarang di kawasan berdekatan.

Ini bertujuan untuk penjimatan bateri kerana sukar untuk menjangka situasi yang boleh berlaku ketika dalam perjalanan misalnya, kesesakan lalu lintas atau kenderaan bergerak perlahan.

Ini boleh menyebabkan penggunaan kuasa bateri tidak efektif dan penurunan peratusan bateri lebih cepat.



R&R utama di lebuh raya juga menyediakan stesen pengecas EV.



Kenal pasti lokasi stesen pengecas EV yang menggunakan aplikasi sedia ada bagi memudahkan mengecap semula bateri.

Kenal pasti stesen pengecas EV

Kenal pasti lokasi stesen utama pengecas EV. Antara lokasi utama di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) yang memiliki stesen pengecas dari kedua-dua arah adalah hentian sebelah Behrang di Perak dan di Senawang, Negeri Sembilan.

Kolaborasi antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan PLUS berjaya membangunkan beberapa stesen EV di hentian rawat dan rehat (R&R) utama laluan utara seperti di Ayer Keroh; Melaka, Tapah, Perak dan Paka, Terengganu.

Ini termasuklah stesen Petronas utama terpilih yang menyediakan parkir khas untuk mengecap kenderaan EV.

Jika jarak perjalanan mencecah ratusan kilometer, sebaiknya singgah di stesen pengecas apabila mendapati bateri kereta tinggal 30 peratus.

Bagaimanapun, jangan sesekali berasakan ia satu masalah kerana setiap pemandu EV sentiasa disarankan memuat turun aplikasi lokasi pengecasan EV.

Lebih mudah lagi, gunakan saja aplikasi Peta Google untuk mengetahui lokasi berdekatan.

Paling penting adalah kiraan jarak perjalanan harus tepat supaya anda boleh menentukan lokasi stesen untuk singgah sebelum meneruskan perjalanan.

Talian kecemasan

Sekiranya berlaku kerosakan kenderaan EV di tengah lebuh raya ambil langkah berikut.

Pertama, jangan panik dan alihkan kenderaan di bahu jalan pada kadar segera. Kemudian, pastikan anda menyimpan nombor talian kecemasan, lalu hubungi.

Setiap syarikat pengeluar EV mengetahui bahawa penggunaan kenderaan itu masih belum menyeluruh di Malaysia. Maka, pusat khidmat EV dibuka 24 jam bagi menghantar bantuan kepada pengguna memerlukan.

Jangan sesekali menunda kereta EV ke bengkel biasa kerana bukan semua mekanik mahir membaiki pulih kenderaan tanpa enjin.

Dikhuatiri kerosakan akan bertambah teruk jika ia disentuh oleh tenaga kerja kurang mahir dalam teknologi berkenaan.

Sama seperti kenderaan berenjin, tayar kenderaan EV juga perlu diperik sama ada ia dalam keadaan baik atau tidak. Tayar yang sudah haus bunganya berisiko untuk pancit atau bocor. Jadi, pastikan tayar sentiasa berada dalam keadaan terbaik sebelum memulakan perjalanan.

Walau apa jua jenis kenderaan, pandulah secara berhemah sebagai jaminan keselamatan semasa pulang ke kampung.

Ingat, pandu cermat jiwa selamat!



Cas bateri EV jika ia berbeki kurang 30 peratus.